

04 SEP 2001

PBTM-Kerajaan

KIRA-KIRA 300,000 ANGGOTA PBTM SOKONG KERAJAAN

KOTA BAHARU, 4 Sept (Bernama) -- Kira-kira 300,000 anggota Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) berdiri teguh menyokong kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden PBTM, Datuk Mohamad Ghani berkata sokongan padu itu sebagai memperingati jasa kerajaan membantu bekas perajurit untuk menghadapi kehidupan selesa selepas bersara dari tentera.

"Pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan untuk membantu bekas tentera terutama mewujudkan peluang pekerjaan, kebajikan dan perniagaan walaupun telah bersara," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Mohamad berkata demikian ketika ditanya adakah terdapat anggota PBTM terlibat dalam gerakan bawah tanah yang cuba untuk menggulingkan kerajaan.

Beliau berkata, hasil daripada tinjauan PBTM mendapati tiada anggotanya terbabit dengan kegiatan bawah tanah yang cuba mengugat keamanan negara.

Katanya, PBTM akan mengambil tindakan tegas termasuk memecat keahlian mereka yang didapati terbabit dengan kegiatan bawah tanah.

Mohamad berkata tanpa bantuan daripada kerajaan, bekas tentera akan ketinggalan dalam arus pembangunan dan kemungkinan nasib mereka akan terpinggir.

Beliau meminta kerajaan mengambil langkah awal termasuk menahan mereka yang terlibat dalam gerakan bawah tanah di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

"Mereka yang terbabit perlu ditahan segera walaupun parti politik," katanya.

-- BERNAMA

ANM BD FAZ